

DEWAN NEGARA YANG KETIGA
MALAYSIA

PENGGAL YANG KEDUA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI ISNIN, 4HB SEPTEMBER, 1972, PUKUL 2.30 PETANG

Bil. 10

15

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

*1. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apakah natijah dari Sidang Perapat, di Indonesia baru-baru ini, dalam mana dikatakan bahawa suatu dasar kerjasama telah dicetuskan dengan sebutan khas "Dasar Gantung Bergantung" di antara Malaysia dan Indonesia, dan adakah dasar ini merupakan suatu dasar pertahanan bersama.

*2. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Perhubungan menyatakan bila Pelabuhan Port Dickson akan didirikan serta sebab-sebab yang mengakibatkan kelambatan menjalankan pembinaan itu.

*3. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Tenaga :

- (a) bilakah yang sebenarnya projek jambatan Temerloh yang hingga sekarang ini masih terbengkalai itu dimulakan;
- (b) berapa kali bertukar kontraktor yang terlibat;
- (c) jumlah wang yang sudah pun dibelanjakan;
- (d) jumlah wang yang dianggarkan untuk menyudahkan jambatan itu; dan
- (e) berapakah perbezaan belanjanya jika dibandingkan dengan belanja Jambatan Yahaya Putra di Negeri Kelantan.

*4. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan dan tapak-tapak di mana hospital-hospital dan klinik-klinik akan didirikan di bawah Rancangan Malaysia Kedua di Negeri Sembilan.

*5. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kemudahan-kemudahan/latihan vokesyenal yang telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi tiap-tiap Negeri untuk melatih murid-murid yang pernah belajar di Tingkatan III tetapi tidak lulus peperiksaan L.C.E.

*6. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah benar bahawa Universiti Kebangsaan sudah pun memulakan kursus pendidikan mulai tahun pengajian 1972-1973 ini dan jika ya, sila nyatakan:

- (a) berapa lamakah tempoh kursus itu;

- (b) berapa ramaikah pensyarah-pensyarah yang terlibat dan nyatakan nama serta kelayakan mereka masing-masing; dan
- (c) sama ada sebuah fakulti atau Jabatan telah pun diadakan bagi maksud itu.

***7.** **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandang kepada hal bahawa 98% guru-guru di seluroh negara telah memilih Lapuran Surohanjaya Aziz:

- (a) sama ada beliau bersedia menimbang dan seterusnya menyelesaikan masaalah-masaalah mengenai lebih kurang 25,000 guru-guru yang tidak puas hati kerana mereka tidak ditempatkan dalam Tingkatan Gred C2;
- (b) adakah benar bahawa guru-guru yang tetap dan berdaftar yang ber-kelayakan rendah dari M.C.E. atau S.P.M. seperti Junior Middle III (Cina) yang mereka perolehi semasa lepas perang tetapi mereka telah pun menjalani Kursus Latihan Guru-guru Cina (C.T.T.C.), Guru-guru Cina Latihan Normal yang berkelulusan Junior Middle III dan guru-guru latihan D.T.C. yang berkelulusan S.P.R. yang telah berkhidmat bagi tempoh 10 hingga 20 tahun tidak dapat ditempatkan dalam Gred C2 sedangkan guru-guru yang hanya lulus Darjah V, VI dan VII Sekolah-sekolah Rendah serta mereka yang lulus Junior Middle III (Cina) semasa sebelum perang dapat ditempatkan dalam tangga gaji Gred C2; dan
- (c) sama ada guru-guru besar dan Ahli-ahli Lembaga Pengurus sekolah-sekolah rendah di seluruh negara akan dibayar elauan khas dan jika ya, berapa banyak yang akan dibayar kepada mereka tiap-tiap bulan.

***8.** **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah beliau akan menyelesaikan kesulitan-kesulitan guru-guru latihan C.T.T.C. (Kursus Latihan Guru-guru Cina) yang telah pun menghantarkan memorandum kepadanya pada 27-5-1972 kerana mereka telah disalah tempatkan dalam Gred B pada hal mereka sepatutnya ditempatkan dalam Gred A, Sekim Gaji Baru, 1952. (Sila lihat surat Kementerian SU/POL/62 (1)).

***9.** **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan gulungan guru-guru sekolah Cina yang berkelulusan Senior Middle III di seluruh negara yang telah disahkan oleh Kementerian Pelajaran untuk ditempatkan dalam Gred C2 Tangga Gaji Aziz, dan gulungan-gulungan mereka yang tidak dapat ditempatkan dalam tangga gaji tersebut serta sebab-sebabnya.

**KERTAS PEMBERITAHU
ATURAN URUSAN MESYUARAT**

1. (DR. 47/72)	Rang Undang-Undang Zon Perdagangan Bebas (Pindaan)	Bachaan Kali Yang Kedua
2. (DR. 46/72)	Rang Undang-Undang Kastam (Pindaan)	"
3. (DR. 48/72)	Rang Undang-Undang Duti Sewa Filem Wayang Gambar (Pindaan) ...	"
4. (DR. 41/72)	Rang Undang-Undang Pelesenan Perniagaan, Profeshen dan Tred (Sarawak) (Pindaan) ...	"
5. (DR. 49/72)	Rang Undang-Undang Achara Kewangan (Pindaan) ...	"
6. (DR. 55/72)	Rang Undang-Undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masok Akaun) ...	"
7. (DR. 51/72)	Rang Undang-Undang Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia ...	"
8. (DR. 50/72)	Rang Undang-Undang Pusat Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan) ...	"
9. (DR. 54/72)	Rang Undang-Undang Pehak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kechil Perusahaan Getah	"
10. (DR. 52/72)	Rang Undang-Undang Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan) ...	"
11. (DR. 53/72)	Rang Undang-Undang Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Sa-mula) (Perlanjutan Kuatkuasa) ...	"
12. (DR. 45/72)	Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan)	"
13. (DR. 39/72)	Rang Undang-Undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) ...	"
14. (DR. 44/72)	Rang Undang-Undang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) ...	"
15. (DR. 57/72)	Rang Undang-Undang Surohanjaya Perkhidmatan (Pindaan) ...	"
16. (DR. 58/72)	Rang Undang-Undang Surohanjaya Pilehan-rayu (Pindaan) ...	"

- | | | | | |
|-----|-------------|--|---|----------------------------|
| 17. | (DR. 38/72) | Rang Undang-Undang Rahsia Rasmi | ... | Bachaan Kali
Yang Kedua |
| 18. | (DR. 43/72) | Rang Undang-Undang Pendaftaran Negara
(Pindaan) | | ,, |
| 19. | (DR. 36/72) | Rang Undang-Undang Peguambela dan
Peguamchara (Pindaan) | | ,, |
| 20. | (DR. 40/72) | Rang Undang-Undang (Perbadanan) the
Superior of the Institute of the Congrega-
tion of the Brothers of Mercy | | ,, |
| 21. | (DR. 37/72) | Rang Undang-Undang Perihal Dagangan | | ,, |
| 22. | (DR. 42/72) | Rang Undang-Undang Piawaian (Pindaan) | | ,, |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

1972	Tarikh dibawa
ST. 34 ... Perentah Bil Pertukaran (Pengubahsuaian) 1972	15hb Jun, 1972
ST. 37 ... Statement of Income and Expenditure of Board of Trustees, National Art Gallery for the year ended 31st December, 1971	1hb Ogos, 1972
ST. 38 ... Laporan Tahunan dan Penyata Kira ² Pusat Daya Pengeluaran Negara bagi tahun 1971	2hb Ogos, 1972
ST. 56 ... Perentah (Perluasan) Ordinan Timbangtara 1972	5hb Julai, 1972
ST. 64 ... Perentah (Perbadanan) Universiti di-Pulau Pinang (Pindaan), 1972	15hb Ogos, 1972

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN BAGI JAWAB MULUT

- 1.** **Tuan Wong Seng Chow** minta Perdana Menteri menyatakan berapa jumlah wang yang telah dipungut oleh Tabung Bencana Banjir semenjak penubuhan tabung itu serta menyatakan jumlah yang dibayar kepada tiap-tiap Negeri dan bagaimana bakinya akan dipergunakan.
- 2.** **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bermaksud hendak menubuhkan perhubungan diplomatik dengan Negara China serta menyatakan sebab-sebab kelambatan dalam penubuhan perhubungan diplomatik itu.
- 3.** **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi pengadilan terbuka kepada orang-orang yang berikut untuk menjawab tuduhan-tuduhan Kerajaan terhadap mereka :
 - (a) Soo Yeng yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 1967;
 - (b) Lua Ah Seng yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 1967;
 - (c) Tan Chin Bat yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 1967;
 - (d) Ng Se Hong yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 1966; dan
 - (e) Ang Rui Lan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 1967.
- 4.** **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau mengetahui kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Warganegara Malaysia yang berubat di Negeri China untuk memohon tempoh lanjutan tinggal di sana supaya mendapat perubatan yang sempurna serta menyatakan apa sebabnya Kerajaan enggan membenarkan permohonan tempoh lanjutan itu.
- 5.** **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apa sebabnya beliau menolak rayuan Persatuan Peladang-Peladang Negeri Perak terhadap keputusan Pendaftar Persatuan tidak meluluskan pindaan peraturan-peraturan mereka.
- 6.** **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan apa rancangan Kerajaan akan jalankan supaya menentukan penduduk-penduduk di tiap-tiap Negeri tidak menderita kerana kekurangan air pada masa musim kemarau.
- 7.** **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada L.K.T.P. akan menyemak sistem pilihan penduduk-penduduknya dengan memandang lebih berat atas belia-belia yang menganggor di estet-estet supaya diberi lebih kesempatan kepada belia-belia yang tiada mempunyai pekerjaan.

- 19.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa ramaikah perajurit-perajurit yang sedang berkhidmat yang masih bujang dan berapa ramai pula yang berkelamin.
- 20.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa ramaikah perajurit-perajurit kita yang berkelamin masih tinggal di rumah-rumah sewa dan tidak di rumah-rumah khas yang disediakan oleh Kementerian Pertahanan sendiri, dan nyatakan usaha-usaha yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini.
- 21.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mendiri tugu peringatan tentera di tiap-tiap negeri di Malaysia untuk memperingati peristiwa-peristiwa bagi tiap-tiap negeri itu, dan jika ya, bilakah perkara ini akan dilaksanakan, dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.
- 22.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa sudah sampai masanya kita mempunyai seorang Menteri Pertahanan penuh masa dan tidak Menteri merangkap seperti sekarang ini, dan jika ya, bilakah perkara ini dapat dilaksanakan.
- 23.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar bahawa pernah berlaku kemasukan secara mencerobuh oleh kapal-kapal perang asing ke dalam perairan Malaysia kita, dan jika ya, dari negeri manakah dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dalam hal ini.
- 24.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Negara kita akan mengadakan Pasokan Tentera berkuda dan jika ya, bila.
- 25.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa jumlah peguam-peguam, doktor-doktor dan jurutera-jurutera yang berkhidmat di dalam perkhidmatan Tentera dalam negeri sekarang ini.
- 26.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa ramaikah lepasan-lepasan Universiti telah masuk dalam Perkhidmatan Tentera hingga sekarang ini dan nama-nama serta ijazah-ijazah mereka masing-masing.
- 27.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan yuran-yuran masuk peperekson-pepercikan LCE/SRP, MCE/SPM dan HSC/STP pada masa sekarang; dan sama ada Kerajaan sedar bahawa yuran itu adalah tinggi bagi ibu-bapa menanggungnya, dan jika ya, sama ada Kerajaan akan mengurangkan yuran tersebut untuk meringankan beban kewangan ibu-bapa terutama sekali mereka yang datang dari gulungan pendapatan rendah.
- 28.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan kadar elauan yang dibayar kepada pemeriksa-pemeriksa yang memeriksa kertas-kertas peperiksaan LCE/SRP, MCE/SPM dan HSC/STP masing-masing pada

8. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bermaksud hendak memasukkan semua guru-guru yang telah lulus peperiksaan Kerajaan Junior Middle III ka-kategori C2 dalam Lapuran Aziz.
9. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Kesihatan menyatakan apa cadangan konkret Kerajaan akan ambil bagi memulih semua kanak-kanak di bawah 10 tahun yang mengidap penyakit lumpuh dan tidak boleh sembah.
10. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada khabar-khabar angin merebak di Seremban mengatakan Hospital Umum Seremban berhantu dan apa langkah-langkah akan diambil oleh Kementeriannya supaya meredakan ketakutan orang ramai.
11. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Pelajaran menyatakan apa kelayakan asas yang perlu bagi murid-murid supaya diterima tinggal di asrama di Sekolah-sekolah Inggeris Kebangsaan.
12. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Tentera Malaysia sudah pun dilengkapkan dengan senjata peluru ber-pandu, dan jika ya, nyatakan jenis peluru berpandu itu.
13. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Malaysia bercadang hendak mengadakan pertahanan bersama dengan Indonesia dalam tahun 1972 ini, dan jika ya, nyatakan sebab-sebabnya.
14. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa kaliakah Malaysia pernah mengadakan apa-apa rundingan dengan negara-negara lain mengenai pertahanan dan nyatakan nama negara-negara yang berkenaan dan tarikh rundingan-rundingan itu telah diadakan.
15. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Malaysia akan menghantar pelatih-pelatih pegawai tentera untuk mendapat latihan di Negara Algeria, dan jika ya, bilakah perkara ini dapat dilakukan.
16. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Malaysia akan memulakan “Perkhidmatan Tentera” yang mewajibkan ke atas setiap warganegara, dan jika ya, bilakah perkara ini akan dijalankan dengan bersungguh-sungguh.
17. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa ramaikah bekas-bekas tentera yang tenaga mereka boleh bermunafaat dalam bidang-bidang ketenteraan selain daripada menjadi tentera penuh dan apakah usaha-usaha, jika ada yang sedang dibuat kearah ini.
18. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan akan mewajibkan ahli-ahli Parlimen menjalani latihan tentera sekurang-kurangnya selama tiga bulan jika mereka belum pernah menjalani latihan seperti itu, dan jika ya, bilakah perkara itu akan dilaksanakan, dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

masa sekarang dan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengurangkan kadar tersebut.

29. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan murid-murid yang cicir dari sekolah dari aliran-aliran Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil bagi tahun pengajian 1969, 1970 dan 1971 dalam :

- (a) darjah satu;
- (b) darjah dua;
- (c) darjah tiga;
- (d) darjah empat;
- (e) darjah lima;
- (f) darjah enam;
- (g) kelas peralihan;
- (h) tingkatan satu;
- (i) tingkatan dua; dan
- (j) tingkatan tiga;

dan nyatakan dengan ringkasnya sebab-sebab utama murid-murid cicir dari sekolah.

30. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan menghapuskan yuran sekolah menengah rendah, dan jika ya, bila.

31. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan telah mengambil alih pentadbiran dua buah sekolah menengah ugama di Perak iaitu Sekolah Menengah Ugama Izzudin Shah dan Sekolah Menengah Ugama Raja Taayah seperti mana yang beliau pernah janjikan, dan jika tidak, mengapa.

32. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan murid-murid yang mengambil Peperiksaan Penilaian Darjah V dan bilangan yang lulus dalam tahun 1967, 1968, 1969, 1970 dan 1971 masing-masing di dalam aliran-aliran Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil.

33. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan menyediakan latihan khas untuk mengajar Jawi, jika ya, nyatakan jumlah bilangan guru-guru yang mengajar Jawi dan jumlah bilangan guru-guru yang didalam latihan pada masa sekarang, dan jika tidak, sama ada Kerajaan akan menyediakan latihan tersebut.

34. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah wang yang ada pada kredit guru-guru di dalam Kumpulanwang Simpanan Guru-Guru sehingga bulan Jun, 1972; dan sama ada Kerajaan akan mengembalikan wang tersebut kepada guru-guru yang berkenaan dengan terlaksananya sekim gaji baru Lapuran Suruhanjaya Aziz.

- 35.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan akan mengiktiraf ijazah-ijazah pengajian Islam dari universiti-universiti di Timur Tengah.
- 36.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan penuntut-penuntut Malaysia yang sedang belajar di kolej-kolej dan di universiti-universiti seberang laut pada masa sekarang dengan memberikan angka-angka mengikut negeri.
- 37.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa ramai penuntut-penuntut yang mendapat Gred Satu di dalam peperiksaan-peperiksaan LCE dan SRP tahun 1971 tidak mendapat tempat di Tingkatan IV, dan jika ya, mengapa, dan nyatakan jumlah bilangan penuntut-penuntut yang malang ini.
- 38.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan meresapkan guru-guru ugama sekolah-sekolah rendah di seluroh Malaysia sebagai guru-guru Kerajaan, membayarkan gaji-gaji mereka dan menempatkan mereka di bawah kuasa Kementerian Pelajaran; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.
- 39.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan menghapuskan ujian lisan Bahasa Malaysia dalam peperiksaan MCE, dan jika ya, samada Kerajaan sedar bahawa langkah seperti itu akan melambatkan perlaksanaan Bahasa Malaysia di negara ini.
- 40.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan mencetak buku-buku teks mulai dari sekarang, dan jika tidak, mengapa.
- 41.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan sekolah-sekolah yang mempunyai cukup kemudahan-kemudahan asrama, dengan memberikan nama-namanya dan jumlah bilangan penuntut-penuntut dalam tiap-tiap sebuah sekolah.
- 42.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan kadar guru berbanding dengan murid-murid pada tahun 1972 dalam peringkat-peringkat LCE/SRP, MCE/SPM dan HSC/STP.
- 43.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa Kerajaan telah menempatkan setengah guru-guru ugama Islam yang berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran di bawah dasar bulan ke bulan dan setengahnya di bawah dasar sementara, dan jika ya, samada Kerajaan bercadang memberikan mereka layanan yang sama seperti guru-guru yang lain.
- 44.** **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk menjadikan Pelajaran Akhlak satu mata pelajaran yang wajib di semua sekolah-sekolah di Malaysia, dan jika ya, bila.

45. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru-guru Kerajaan pada masa ini (aliran Cina) yang lulus Junior Middle III dan Senior Middle III dan bagaimanakah tangga gaji mereka.

46. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa buah sekolahkah yang dinamakan dengan nama ahli-ahli politik yang masih chergas dalam politik, dan nyatakan nama sekolah-sekolah itu serta tarikh nama itu diberikan.

47. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah rakyat-rakyat Malaysia yang mempunyai ijazah dari universiti-universiti yang diakuui dan nyatakan jumlah mereka bagi tiap-tiap universiti dan samada Kerajaan akan menyimpan rekod-rekod mengenai perkara ini dengan lebih teratur.

48. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah kelas-kelas Tingkatan Enam di tiap-tiap negeri di Malaysia Timur dan jumlah guru-guru yang terlibat di dalam pengajarannya.

49. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran samada benar bahawa pada pertengahan bulan Mei, 1972 suatu pertunjukan “Dedah Dada” (topless) telah ditunjukkan dalam satu Majlis anjuran guru-guru dan jika ya, nyatakan di manakah kejadian itu berlaku dan adakah yang mendedahkan dada itu seorang guru, dan apakah tindakan yang diambil terhadap pihak yang menganjurkan pertunjukan itu.

50. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar-pelajar yang mengambil matapelajaran “Intergrated Science” dalam tahun 1972 dan nyatakan sekolah-sekolah yang ada mengajar matapelajaran itu.

51. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru-guru wanita yang sedang mengajar di sekolah-sekolah Menengah Kerajaan dalam tahun 1972 dan nyatakan jumlah mereka di tiap-tiap negeri di Malaysia Barat.

52. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian akan mengambil alih pentadbiran “Kolej Tengku Abdul Rahman”; jika ya, nyatakan :

- (a) sebab²;
- (b) bila; dan
- (c) adakah kolej itu akan dijadikan sebagai sebuah “kolej universiti” di dalam mana-mana universiti di Malaysia.

53. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid-murid di Sabah dan Sarawak dalam tahun pengajian 1972-1973 seperti berikut :

- (a) sekolah rendah;
- (b) sekolah menengah rendah; dan
- (c) sekolah menengah atas.

54. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru-guru di Sabah dan Sarawak dalam tahun 1972 yang berkhidmat dengan Kerajaan, dan dari jumlah ini berapa lelaki dan wanita.

55. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan benar-benar mendirikan sebuah kolej universiti di tiap-tiap negeri Sabah dan Sarawak, dan jika ya, nyatakan bila hal itu akan dapat dilaksanakan, dan jika tidak, mengapa.

56. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bersedia membantu pihak swasta mendirikan sebuah kolej di mana-mana negeri di Malaysia Barat seperti yang pernah dilakukan oleh bekas Menteri Pelajaran (Y.B. Encik Mohd. Khir Johari) pada satu masa dahulu.

57. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru-guru yang mengajar ekonomi dalam tingkatan enam di dalam tahun 1972 ini, dan adakah Kerajaan akan menambahkan lagi bilangan guru-guru itu dalam tahun 1972 ini.